



IKLAN JAWATAN KOSONG

MEMPELAWA PERMOHONAN UNTUK MENJADI ANGGOTA TRIBUNAL PENGURUSAN STRATA DAN TRIBUNAL TUNTUTAN PEMBELI RUMAH

Tribunal Perumahan dan Pengurusan Strata membuka peluang untuk calon-calon yang berminat dan sesuai untuk dilantik sebagai anggota Tribunal Pengurusan Strata sepertimana diperuntukkan di bawah perenggan 103 (1) (b), Akta Pengurusan Strata 2013 [Akta 757] dan anggota Tribunal Tuntutan Pembeli Rumah diperuntukan di bawah 16C, Akta Pemajuan Perumahan (Kawalan dan Perlesenan) 1966 [Akta 118]. Calon adalah dipelawa dalam kalangan:

- i) Orang yang merupakan anggota atau yang pernah memegang jawatan dalam Perkhidmatan Kehakiman dan Perundangan; atau
- ii) Peguam bela dan peguam cara di bawah Akta Profesion Undang-undang 1976 [Akta 166] yang telah menjalankan amalan tidak kurang daripada 7 tahun.

Selain daripada itu, individu yang memohon perlu memenuhi kriteria-kriteria tambahan seperti berikut:

- i) mempunyai pengalaman dan pengetahuan yang luas dalam bidang litigasi sivil, terutama dalam bidang perumahan dan pengurusan strata;
- ii) mempunyai kelenturan dalam masa dan beban tugas supaya Presiden boleh memberikan tarikh lapang yang mencukupi untuk pendengaran kes di TPPS;

- iii) mempunyai fleksibiliti untuk bertugas di luar kawasan pejabat;
- iv) bersetuju untuk mematuhi arahan TPPS khususnya mengenai KPI yang ditetapkan; dan
- v) bersetuju untuk mematuhi Garis Panduan Pengendalian Kes di TPPS.

Permohonan untuk menjadi Anggota Tribunal Pengurusan Strata hendaklah dikemukakan beserta *resume* lengkap dan **sampai selewat-lewatnya pada 15 Mei 2021** ke Tribunal di arbaiyahazlan@kpkt.gov.my atau ke alamat:

**Pengerusi
Tribunal Perumahan dan Pengurusan Strata
Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan
Aras 4, No. 51, Persiaran Perdana,
Presint 4, 62100 Putrajaya**

Calon-calon yang disenarai pendek akan dipanggil untuk menjalani satu temuduga dan akan dilantik sekiranya berjaya dalam temuduga tersebut manakala calon yang tidak menerima sebarang maklumbalas dari Tribunal berhubung dengan permohonan atau keputusan temuduga adalah dianggap tidak berjaya. Walau bagaimanapun, permohonan boleh dibuat semula selepas setahun dari tarikh permohonan ini.

Sebarang pertanyaan dan maklumat lanjut berhubung perkara ini boleh diajukan kepada Puan Arbaiyah bt Azlan di talian 03-8891 4750 / emel ke arbaiyahazlan@kpkt.gov.my atau Rosnida binti Abdul Hamid di talian 03-8891 4748 / emel ke rosnida@kpkt.gov.my.